

16 AUG 2002
Rais-Takzir
BIAR MAHKAMAH TENTUKAN PELAKSANAAN TAKZIR

KUALA KLAWANG, 16 Ogos (Bernama) -- Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim berkata biar mahkamah menentukan sama ada tindakan kerajaan PAS Terengganu untuk melaksanakan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) boleh dilaksanakan atau tidak.

"Bagi saya polemiknya harus ditutup buat sementara dan mahkamah nanti akan menentukan. Bila ini berlaku, terserahlah kepada mahkamah untuk memutuskannya.

"Selagi ada pihak yang menyokong dan membantah (pelaksanaan Takzir), selagi itu perkara tersebut tidak dapat diselesaikan," katanya ketika diminta mengulas laporan akhbar bahawa kerajaan PAS Terengganu bertegas akan menguatkuasakan enakmen itu walaupun kerajaan Persekutuan memberi amaran akan mengambil tindakan undang-undang.

Beliau sebelum itu menghadiri taklimat pembangunan daerah Jelebu di sini.

Rais berkata pendirian kerajaan Persekutuan sudah jelas (menolak pelaksanaan Takzir), tetapi ada pihak lain berminat untuk mengemukakan isu ini untuk diputuskan oleh mahkamah.

Beliau bagaimanapun tidak mengetahui bila isu itu akan diputuskan oleh pihak berkuasa kehakiman.

Menurutnya beliau tidak nampak kerajaan PAS Terengganu akan mengalah atau menerima hakikat daripada segi undang-undang negara, sekali pun Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah memberi amaran bahawa mereka tidak seharusnya melaksanakan undang-undang yang berat sebelah seperti itu.

Rais berkata mahkamah juga akan memutuskan sama ada hak yang dituntut ataupun peranan yang dimainkan oleh kerajaan PAS Terengganu dan Kelantan benar atau tidak.

Katanya mahkamah adalah tempat terakhir bagi memutuskan sama ada ia sah di sisi undang-undang atau sebaliknya.

"Kita tidak dapat lari daripada undang-undang negara. Undang-Undang Al-Quran adalah undang-undang agama, undang-undang negara adalah undang-undang pakaian semua.

"Bermakna dalam pakaian hidup kita, undang-undang negaralah yang dipakai, undang-undang agama kita pakai dari segi peribadi. Lantaran itu ramai pihak telah menyatakan apabila undang-undang Al-Quran telah wujud, sunnah nabi sudah wujud, apakah kita manusia perlu mengenakan lagi apa yang sudah ada di dalam Al-Quran. Tetapi pihak-pihak lain pula menyatakan ini akademik," katanya.

Sementara itu Rais berkata Kerajaan Persekutuan akan membelanjakan lebih RM100 juta dalam tempoh lima tahun akan datang bagi projek pembangunan daerah Jelebu.

Katanya, disamping pembangunan infrastruktur, sebahagian besar daripada projek pembangunan itu khusus bagi pembinaan jalan negeri dan persekutuan.

"Bentuk pembangunan yang selama ini agak ketinggalan di daerah ini akan ditingkatkan semula agar tidak tercicir lagi dalam arus pembangunan masa depan," katanya selepas mendengar taklimat pembangunan daerah Jelebu oleh Majlis Daerah Jelebu (MDJ) di sini.

Beliau yang juga anggota Parlimen Jelebu berkata kos pembinaan jajaran baru dan menaiktaraf Jalan Seremban-Kuala Klawang di Bukit Putus yang kini sedang rancak dilaksanakan menelan belanja kira-kira RM39 juta.

Katanya kerja-kerja menaiktaraf Jalan Kuala Klawang-Simpang Pertang

yang menelan belanja kira-kira RM18 juta akan bermula Sept ini.

Beliau juga berkata Universiti Malaya akan membuka sebuah cawangan kajian geologi di daerah Jelebu awal tahun depan.

-- BERNAMA

RP APG ZB